

04/10/2001

Konspirasi Yahudi di sebalik serangan ke atas Amerika

Prof Madya Abdul Hamid Yeop Zainuddin

SEKIRANYA ketiga-tiga hipotesis itu boleh diterima, ia boleh digunakan untuk membangunkan beberapa teorem yang berkaitan. Dengan kata lain, hipotesis dan teorem ini boleh digunakan untuk mencari, membentuk atau membuktikan teori di sebalik serangan ke atas Amerika.

Teorem pertama ialah jika Afghanistan boleh dilemahkan, dikalahkan atau dihapuskan, Osama bin Laden dan Taliban akan menjadi lemah, kalah atau hapus. Teorem kedua ialah jika Osama dan Taliban dapat dilemahkan, dikalahkan atau dihapuskan, asas kekuatan dan kekukuhan Palestin akan menjadi lemah, kalah atau hapus.

Teorem ketiga ialah jika Palestin tidak mempunyai asas kekuatan yang kukuh, Palestin boleh dikalah, dihancur atau dihapuskan. Sekiranya ketiga-tiga teorem ini dapat dibuktikan, ia sudah menjadi asas yang cukup untuk membina hipotesis dan teorem berikutnya.

Hipotesis kelima ialah bahawa untuk menghancurkan Palestin, mestilah Afghanistan dihancurkan terlebih dahulu. Teorem keempat ialah jika Afghanistan dapat dilumpuh atau dihancurkan, Palestin juga dapat dihancurkan. Persoalan siapakah yang hendak menghancurkan Palestin sudah jelas dan jawapannya juga sudah jelas iaitu Yahudi Israel, sebagaimana yang dinyatakan dalam hipotesis pertama. Yahudi Israel dan Islam Palestin memang sudah berperang sejak sekian lama, namun Israel masih gagal mengalahkan Palestin walaupun dengan segala bentuk bantuan dan sokongan Amerika dan sekutunya.

Senario, maklumat, hipotesis dan teorem yang ada setakat ini, sekiranya diterima, sudah cukup untuk membentuk, membina dan membuktikan satu teori konspirasi yang didalangi Israel. Untuk memudahkan memahami teori konspirasi ini, pilih satu contoh analogi yang merujuk kepada kehebatan yang ada pada orang dan bahasa Melayu, iaitu peribahasa baling batu sembunyi tangan. Israel ambil seketul batu dan diwarnakan dengan warna orang Islam, tulis nama Arab di atasnya dan bubuh cap diperbuat daripada Osama bin Laden yang beralamat di Afghanistan. Secara sembunyi, Israel kemudiannya membaling batu itu ke Amerika di hadapan orang ramai.

Batu itu kena pada bahagian kepala Amerika. Negara itu bukan saja malu dan sakit, malah amat marah. Oleh kerana itu, Amerika hendak mencari siapakah dalang yang membaling batu itu tetapi Amerika berasa bertuah kerana tidak sukar baginya untuk mencari dalang berkenaan. Ini kerana batu yang dibaling itu ada jatuh di hadapannya.

Apabila Amerika mengamati batu itu, dapatlah maklumat daripada batu itu sebagaimana yang dirancang. Oleh kerana batu itu berwarna orang Islam, ada pula nama orang Arab yang kebiasaannya nama orang Islam dan ditambah cap Osama, amatlah jelas bagi Amerika untuk mengesahkan bahawa ia mestilah dibaling oleh orang Arab Islam, kumpulan Osama dari Afghanistan.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada apa yang dilihat berlaku, seolah-olah orang Arab Islam kumpulan Osama adalah dalang yang membaling batu itu, tetapi kita yang melihat dengan skop yang lebih jauh nampak dengan jelas bahawa Israel adalah dalang yang sebenarnya yang membaling batu itu. Malah, Israel jugalah yang memburuk dan menganiaya orang Arab Islam kumpulan Osama. Berasaskan contoh ini, Israel adalah orang yang membaling batu sembunyi tangan. Dalam keadaan sebegini, amatlah sukar bagi Amerika untuk menerima nasihat bahawa Osama tidak terbabit.

Untuk melengkapkan teori konspirasi ini, pihak ketiga yang perlu dipilih sebagai sasaran ialah Amerika Syarikat. Pemilihan Amerika sebagai

pelengkap teori ini bukanlah pula satu kebetulan, tetapi merujuk kepada perkaitan antara Israel dan Amerika.

Sekali lagi menggunakan peribahasa Melayu, Amerika bagi Israel tidak ubah seperti kerbau dicucuk hidung. Masyarakat dunia memang mengetahui bahawa tangan besar yang tidak nampak yang sebenarnya memegang, mengawal dan menguasai Amerika adalah segolongan kecil kumpulan tertentu, iaitu beberapa ratus ribu orang Yahudi Israel saja, sehingga dikhabarkan bahawa calon presiden Amerika sendiri mestilah mendapat restu daripada kumpulan ini terlebih dahulu. Masyarakat dunia memang sudah dikejutkan dengan betapa hebatnya pengaruh orang Yahudi Israel yang tinggal di Amerika. Satu ketika dahulu, sebagaimana gelaran penyangak mata wang yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada George Soros yang menyerang mata wang rantau Asia dan akibatnya mata wang dan ekonomi Asia jatuh merudum. Malah, sehingga sekarang pun masih belum pulih sepenuhnya. Bayangkan apa yang boleh dilakukan oleh 200,000 orang seperti Soros!

Amerika, Afghanistan dan Palestin jika dihubungkan antara satu sama lain boleh membentuk satu teori segi tiga sebagaimana Teori Segitiga Bermuda dan Teori Domino. Dengan menghapuskan sempadan antara Afghanistan dan Palestin dalam segi tiga ini, secara automatik sempadan antara Amerika dan Afghanistan dan sempadan antara Amerika dan Palestin akan terhapus. Ini akan meninggalkan Amerika sebagai satu titik entiti yang paling berkuasa.

Keuntungan hasil sampingan secara langsung kepada Israel ialah Palestin dapat dihapuskan. Ini membentuk hipotesis dan teorem berikutnya.

Hipotesis keenam ialah bahawa jika Amerika menyerang Afghanistan, maka Afghanistan akan lumpuh. Teorem kelima ialah jika Amerika menyerang Afghanistan, Palestin dapat dihancurkan. Kini jelas bahawa dengan menerima semua hipotesis dan teorem yang dinyatakan, satu teori konspirasi yang boleh dibina ialah Israel adalah dalang yang merancang dengan sistematik serangan ke atas Amerika dan bertopengkan orang Arab Islam kumpulan Osama dari Afghanistan dengan harapan Palestin akan dapat ditewaskan.

Teori konspirasi Israel tidak boleh diketepikan begitu saja oleh semua pihak dalam dunia ini, terutama bagi Amerika sendiri. Pelaksanaan teori konspirasi ini bukan saja mengakibatkan orang Arab Islam kumpulan Osama diburuk-burukkan, malah dianiaya, begitu juga dengan negara Afghanistan. Akhirnya, Amerika akan menyerang dan menghancurkan Afghanistan.

Persoalan selanjutnya ialah bagaimanakah hendak membuktikan kebenaran teori konspirasi ini? Bagaimanakah hendak membuktikan pembabitatan Israel? Bagi Amerika sendiri, adalah tidak sukar untuk membuktikan kebenaran teori konspirasi ini.

Dianggarkan dengan menggunakan kemudahan super komputer yang ada di Pentagon, teori konspirasi ini boleh dibuktikan dalam masa beberapa saat saja. Ini membuktikan kebenaran teori konspirasi ini bukan satu masalah, apatah lagi bagi Amerika yang kononnya sudah cukup maju. Bagi orang awam, memadai dengan membuktikan bahawa semua hipotesis dan teorem yang dinyatakan adalah benar. Satu pendekatan lain yang lebih mudah untuk membuktikan kebenaran teori konspirasi ini ialah dengan membuat anggapan bahawa ia adalah benar dan cuba dibuktikan sebaliknya.

Hipotesis ketujuh ialah bahawa jika Israel adalah perancang konspirasi, negara itu mengetahui bila serangan akan dilakukan. Teorem keenam ialah jika Israel mengetahui bila serangan akan dilakukan sebelum ia terjadi, maka Israel adalah perancang konspirasi atau sekutunya. Keutamaannya sekarang ialah untuk menjawab dua persoalan yang lebih besar iaitu pertama, adakah Amerika sendiri sedar dan mengetahui kewujudan teori konspirasi ini?

Persoalan kedua ialah adakah Amerika mempunyai sistem sokongan untuk super komputernya kerana Pentagon sendiri sudah ranap menyembah bumi!

Berdasarkan hebahan media setakat ini, digambarkan bahawa Amerika seolah-olah memang tidak mengetahui kewujudan teori konspirasi ini. Walaupun masyarakat dunia tidak didedahkan dengan bukti yang ada setakat ini, ada beberapa implikasi yang boleh dijangkakan berdasarkan setiap kemungkinan.

Kemungkinan pertama ialah bahawa Amerika memang benar-benar tidak mengetahuinya. Ini terlalu sukar untuk dipercayai kerana pelajar universiti yang diajar dengan subjek OR pun tentu boleh mengira kebenaran teori ini. Apatah lagi dengan berpuluh ribu maklumat serangan yang terkumpul setakat ini. Namun demikian, kita tidak boleh menolak sama sekali kemungkinan ini. Jika benar, ini memberikan implikasi bahawa Amerika adalah terlalu bodoh dibandingkan dengan apa yang diuar-uarkannya selama ini.

Kemungkinan kedua ialah bahawa Amerika sudah mengetahuinya dan sedang mengambil tindakan selaras dengan teori konspirasi ini. Jika ini benar, sudah tentulah Amerika tidak mengambil tindakan terburu-buru menyerang orang Islam, Osama dan Afghanistan. Apa yang jelas, tindakan ini sedang dilakukan dan Amerika sudah pun mendapat kesediaan beberapa negara Arab menjadi persinggahan Amerika dalam melancarkan serangan ke atas Afghanistan.

Juga terbukti bahawa beberapa minit saja selepas dimaklumkan, Presiden Amerika sendiri mengatakan bahawa serangan itu adalah daripada pengganas Islam. Implikasi kemungkinan ini adalah jelas iaitu jika Amerika mengetahui teori konspirasi ini bermakna Amerika sendiri menjadi sekutu dengan Israel dalam perancangan teori konspirasi ini.

Kemungkinan ketiga ialah bahawa Amerika sudah mengetahuinya tetapi sengaja berpura-pura tidak mengetahuinya. Implikasi kemungkinan ini juga adalah jelas. Berdasarkan apa yang sedang berlaku sekarang, juga bermakna Amerika sendiri menjadi sekutu Israel dalam perancangan teori konspirasi ini. Kemungkinan keempat ialah sekiranya kemungkinan kedua dan ketiga ditolak, iaitu bermakna Israel tidak terbabit dalam konspirasi ini.

Implikasinya, Amerika sendiri yang menjadi perancang konspirasi. Ini bermakna Amerika menyerang negaranya sendiri untuk memulakan alasan menyerang negara Islam. Dengan kata lain, Amerika sudah memulakan perang dunia ketiga antara orang Islam dengan Kristian, mengulangi semula peperangan salib yang mengambil masa lebih seratus tahun.

Adalah sukar untuk menolak kemungkinan ini kerana sebagaimana yang sudah pun dihebahkan pada media, ramai orang Islam, terutama di Amerika, Britain dan Australia diugut, dianiaya dan dibunuh. Masjid tempat orang Islam sembahyang juga dibom dan dibakar. Setelah melepasi tahap kesabaraan, orang Islam akan bertindak balas dan berjihad apabila diserang.

Oleh yang demikian, mengambil kira bahaya kesan yang akan berlaku, demi keamanan dunia seagat, Amerika dinasihatkan untuk memilih kemungkinan pertama, walaupun ini akan lebih memalukannya lagi pada pandangan dunia. Namun, ia tetap dihormati kerana mengambil tindakan yang sewajarnya. Sehubungan itu, Amerika dinasihatkan untuk mengkaji semula data dan maklumat yang terkumpul setakat ini dan cuba membuat analisis dari skop teori konspirasi ini. Masukkan semula maklumat berkaitan yang sebelum ini diabaikan atau ditinggalkan.

Amerika juga perlu menyemak dan mendedahkan senarai pekerja berketurunan Yahudi Israel di Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon yang sepatutnya hadir di situ pada hari kejadian serangan. Berapa ramaikah yang terbabit? Berapa ramaikah yang hadir pada hari serangan? Berapa ramaikah yang tidak hadir pada hari serangan?

Berdasarkan maklumat yang dihebahkan, daripada tangkapan polis, FBI dan sebagainya, ada bukti bahawa ramai orang yang sudah mengetahui sesuatu akan berlaku pada WTC dan Pentagon. Mereka sudah pun bersedia dengan kelengkapan untuk merakamkan peristiwa itu. Ada yang sedang bergembira

meraikan kejayaan serangan itu ketika serbuan dibuat. Siapakah mereka yang bersedia menunggu kejadian berkenaan? Siapakah mereka yang mengetahuinya lebih awal?

Apa yang mengejutkan masyarakat dunia dan tidak lagi menjadi rahsia bagi Amerika ialah bukti yang didedahkan melalui media menunjukkan bahawa Israel memang sudah mengetahui terlebih dahulu mengenai serangan terhadap Amerika. Bukti seperti ini diperlukan bagi mengesahkan kebenaran teori konspirasi ini.

Untuk negara yang sudah pun memberikan sokongan dan bersedia membantu Amerika dalam tindakannya menghapuskan Osama dan menyerang Afghanistan tanpa bukti yang kukuh, adalah dinasihatkan untuk meneliti teori konspirasi ini dan menimbangkan semula kesediaan mereka.

(END)